

04/07/2002

10,000 sambut kepulangan PM

SUBANG, Rabu - Kira-kira 10,000 rakyat termasuk pemimpin kerajaan dan penyokong parti komponen Barisan Nasional (BN) menyambut kepulangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Subang, pagi ini.

Rakyat pelbagai kaum yang datang dari seluruh negara tiba seawal sebelum Subuh dan membawa sepanduk dengan pelbagai tulisan berbentuk kata-kata semangat dan sokongan terhadap pemimpin ulung negara itu.

Malah, selepas turun daripada pesawat eksekutif, Dr Mahathir yang berjalan sambil berjabat tangan dengan orang kenamaan menuju ke arah bilik orang kenamaan, dihadiahkan dengan keris dan tengkolok dalam bekas cermin.

Jalan masuk ke pangkalan itu mulai sesak seawal jam 6 pagi lagi berikutan pemeriksaan keselamatan dan rakyat yang tidak sabar melihat Perdana Menteri dari dekat.

Selain penyokong parti komponen BN seperti MCA, MIC, Gerakan dan PPP, turut hadir ialah rombongan pelajar institusi pengajian tinggi termasuk Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Malah, artis juga tidak ketinggalan. T turut kelihatan ialah Jalaluddin Hassan, DJ Dave, Erma Fatima, Shaharuddin Thamby, Shah Rezza, Angeline Tan dan Kartina Aziz.

Suasana di hadapan terminal landasan TUDM mula dipenuhi orang awam dan penyokong BN jam 7 pagi dan semakin sesak apabila waktu ketibaan Dr Mahathir semakin hampir.

Bagaimanapun, orang ramai sabar menunggu sehingga Perdana Menteri berucap di atas pentas khas kira-kira jam 8.30 pagi selepas mengadakan sidang akhbar di dalam terminal itu.

Sorakan "Hidup Mahathir" dan "Hidup Perdana Menteri" tidak putus dilaungkan. T turut memeriahkan kepulangan Dr Mahathir adalah lintas langsung sebuah pesawat kecil yang membawa kain rentang bertulis 'Dr M- Kepulanganmu Dinantikan' di ruang udara Lembah Klang.

Pelbagai aksi menarik mereka yang membanjiri persekitaran terminal dapat dilihat termasuk memakai pakaian diperbuat daripada bendera Malaysia dan wajah Perdana Menteri serta tag wajah Dr Mahathir bertulis 'Kami Setia Bersamamu', yang dijual pada harga RM5 oleh Bahagian Umno Sungai Tua, Gombak.

Pelbagai sepanduk pula, antara lain tertulis Dr M, We Love U, We Need U, Terima Kasih Pemimpin Ulung Datuk Seri Dr Mahathir, Kami Menyanjung Tinggi Kepimpinanmu dan Pengorbananmu Selama Ini; Teruskan Perjuanganmu Untuk Agama, Bangsa & Negara; Dr M-Jasa Baktimu Masih Kami Dambakan, Terima Kasih Bapa Pemodenan Malaysia, Terima Kasih Negarawan Terbilang Terhadap Anak-anakmu; Selamat Pulang Dr M Wira Tanah Air; PM Kami Bersamamu; Dr M Malaysia Boleh Kerana Kepimpinanmu.

Seorang pelajar yang ditemui, Anwar PP Majed, 19, dari UiTM Shah Alam, berkata 120 pelajar universiti itu berkumpul untuk menyambut kepulangan Dr Mahathir.

"Kami mendapat pengecualian dari menghadiri kelas semata-mata untuk menyambut kepulangan Perdana Menteri," katanya.

Azman Aziz, 19 dari UTM, Skudai, berkata rombongan 40 pelajar universiti itu sampai di sini seawal jam 5 pagi semata-mata untuk melihat Perdana Menteri dari dekat.

Ahli rombongan dari Batu Gajah, Perak yang enggan namanya disiarkan, berkata mereka bertolak jam 1 pagi dan tiba di sini jam 4 pagi untuk

menyambut Dr Mahathir.